

## Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Bernama.com  
Ekonomi (1 of 1)

Date: July 4, 2007

### **Ekonomi**

---

04 Julai, 2007 21:43 PM

### **PKFZ Tarik Penyewa Dan Pelaburan RM467 Juta**

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) menyaksikan lonjakan minat daripada pelabur tempatan dan asing sejak empat bulan lepas dengan bilangan penyewa bertambah kepada 20 daripada sembilan pada Februari.

Pengerusi PKFZ Datin Paduka O.C. Phang dalam satu kenyataan hari ini berkata penyewa telah menjanjikan pelaburan di PKFZ berjumlah RM467 juta dengan kemungkinan tambahan RM85 juta.

Semasa tempoh berkenaan, penyewa menempah kawasan seluas 22 hektar (55 ekar) tanah perindustrian yang disediakan dengan pilihan untuk 52 ekar lagi dan lapan perindustrian ringan atau gudang dengan opsi untuk dua lagi manakala enam lot ruang pejabat telah diisi.

Antara pelabur terkini dalam PKFZ ialah syarikat disenarai Papan Utama, Pantech Group Holdings Bhd, yang mengeluarkan dan membekalkan produk paip, pemasangan dan kawalan aliran.

PKFZ, yang meliputi kawasan seluas 1,000 ekar, terletak bersebelahan dengan Westports di Pulau Indah, Pelabuhan Klang. Ia merupakan zon komersial dan perindustrian yang membolehkan aktiviti perdagangan dan pembuatan dilaksanakan secara serentak.

-- BERNAMA